



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

---

### **JPJ KELUARKAN NOTIS SAMAN KEPADA PEMANDU BAS YANG TULAR MELALUI MEDIA SOSIAL (MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT KETIKA MEMANDU)**

**Putrajaya** - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia melalui Unit Pemeriksaan & Kawalan Kenderaan Perdagangan (UPKKP), Bahagian Penguatkuasa JPJ Negeri Pulau Pinang telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera mengenai isu ini dan terus mengeluarkan notis saman, Notis JPJ P22, ke atas pemandu berkenaan atas kesalahan menggunakan telefon bimbit, semasa memandu dalam perjalanan dari Pulau Pinang ke Ipoh.

Jabatan ini juga telah menyiasat dan mengenalpasti bahawa pemandu yang membawa bas bernombor pendaftaran ALM 9815 adalah milik sebuah syarikat yang beroperasi di Butterworth, Pulau Pinang.

JPJ ingin menegaskan bahawa tindakan memandu sambil menggunakan telefon bimbit merupakan kesalahan serius dan berbahaya yang boleh mendatangkan risiko kemalangan jalan raya, bukan sahaja kepada penumpang bas tersebut, malahan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Hasil siasatan lanjut pihak Jabatan juga mendapati bahawa pemandu tersebut mempunyai 13 saman kesalahan jalan raya lampau termasuk satu (1) saman yang baru dikeluarkan atas kesalahan memandu menggunakan telefon bimbit yang tular melalui media sosial berkenaan, di mana tindakan penggantungan lesen memandu boleh diambil terhadap pemandu tersebut.

Sayugia dimaklumkan, JPJ ingin menasihati kepada semua pemandu dan pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi undang-undang jalan raya, manakala pihak syarikat juga perlu memantau dengan rapi pemandu kenderaan masing-masing supaya lebih berhemah dan beretika ketika memandu, supaya perkara seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa akan datang demi keselamatan penumpang bas ekspres dan juga pengguna-pengguna jalan raya lain.

Selain daripada itu, JPJ juga menyeru kepada orang awam untuk menjadi “mata dan telinga” JPJ dan boleh menyalurkan sebarang aduan berhubung kesalahan di jalan raya dengan menggunakan Aplikasi MyJPJ melalui menu e-Aduan@jppj atau [aduantrafik@jpi.gov.my](mailto:aduantrafik@jpi.gov.my) .

Sekian, terima kasih.

**KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA**

**2 APRIL 2023**

**[TAMAT]**